

Jelajah libat urus RMKe-12 mula esok

Kerjasama strategik semua pihak rangka hala tuju ke arah negara maju

Putrajaya: Sesi libat urus bagi mendapatkan maklum balas dalam penyediaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), akan menjelajah ke semua negeri bermula esok.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam kenyataan semalam, memaklumkan penyertaan semua pihak berkepentingan penting memastikan dasar yang dirangka inklusif dan holistik.

"Kementerian yakin kerjasama strategik antara semua pihak berkepentingan bagi merangka hala tuju RMKe-12, akan memastikan kesejahteraan dan kepen-

tingan rakyat terus dipelihara dan Malaysia Baharu terus berada di landasan, mencapai sebuah negara yang benar-benar maju, mampan dan inklusif," menurut kenyataan itu.

Menurut Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Persidangan Pelancaran Penyediaan RMKe-12 2021-2025 yang juga sesi libat urus pertama dalam penyediaan dasar itu melabuhkan tirainya semalam, dengan majlis penutup disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Senator Dr Radzi Jidin.

Persidangan yang memabitkan kira-kira 500 peserta itu mencapai objektif untuk mendapatkan input, maklum balas dan perkongsian pandangan dalam usaha mengenal pasti isu terkini dan trend semasa global, yang perlu diambil kira dan diperincikan dalam penyediaan RMKe-12.

Menurut Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Gagasan Kemakmuran Bersama adalah te-

ras kepada RMKe-12 yang merangkumi tiga dimensi, iaitu pemerkasaan ekonomi, kemampuan alam sekitar dan perkhidmatan sosial.

"Sebanyak 11 topik dikupas dan dibentangkan sepanjang persidangan oleh pakar dari dalam negara dan agensi antarabangsa, seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia," menurut kenyataan itu.

Menurut Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, hasil persidangan itu juga akan digunakan dalam perbincangan oleh 13 Kumpulan Perancang Antara Agensi dan 47 Kumpulan Kerja Teknikal yang diwujudkan untuk menyediakan 30 kertas strategi RMKe-12.

RMKe-12 juga akan mendukung tujuh teras strategik yang digariskan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dalam konsep Kemakmuran Bersama.

BERNAMA